



ROMBONGAN UMS dengan kakitangan University of Leiden serta staf akademik UMS yang sedang melanjutkan pengajian di universiti berkenaan.

UMS tandatangani MoU penyelidikan dengan University of Leiden

UB 08-11-2012 B9

KOTA KINABALU: Dalam memperkasa bidang kajian dan penyelidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mengadakan pelbagai usaha termasuk menjalinkan kerjasama persefahaman di peringkat antarabangsa.

Terbaru, UMS telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Naturalis Biodiversity Centre, University of Leiden di Amsterdam.

UMS diwakili Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah serta Pendaftar Datuk Abdullah Hj Mohd Said manakala University of Leiden diwakili oleh Pengarah Bersekutu Penyelidikan, Naturalis Biodiversity Center Dr Jan Van Tol dan Ketua, Jabatan Zoologi Marin, Naturalis Biodiversity Center Dr Bert W Hoeksema.

Menurut Harun, MoU itu merupakan susulan daripada lawatan kerja rasmi Yang Dipertua Negeri Sabah yang juga Canselor UMS, Tun Juhar Mahiruddin bersama pegawai-pegawai utama ke universiti berkenaan pada bulan Mac lalu.

Katanya, MoU itu merangkumi penyelidikan bersama dalam bidang biodiversiti marin dan biodiversiti terrestrial.

“Salah satu bidang tumpuan adalah berkaitan dengan kajian terumbu karang yang akan dilaksanakan bersama



PERTUKARAN MoU di antara Harun dan Jan.

Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS, sekaligus mengukuhkan lagi pengiktirafan IPMB sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi Berpotensi oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

“Selain itu, kedua-dua pihak akan mengadakan mobiliti staf akademik dan pertukaran maklumat penyelidikan,” katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata

seramai dua orang staf akademik UMS juga kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti berkenaan dalam bidang terumbu karang dan biologi evolusi.

Hadir sama Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof Dr Felix Tongkul dan Timbalan Pendaftar Kanan UMS, Mohd Raffie Hj Janau.